

10 JUL 1996  
Razaleigh-Gaji  
POTONGAN GAJI SATU PENGHINAAN, KATA KU LI

ALOR SETAR, 10 Julai (Bernama) -- Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46) Tengku Razaleigh Hamzah berkata tindakan kerajaan negeri Kelantan menurunkan gaji Timbalan Menteri Besar II, Datuk Mohamed Rozali Isohak merupakan satu penghinaan.

"Saya rasa Pas sudah rasa dia besar dan telah berlagak sombong sehingga sanggup menghina rakannya dengan memotong gaji seorang anggota kerajaan dalam Exco.

"Dia (Pas) cuba memperkecilkan kedudukan kita (S46)," katanya kepada pemberita malam tadi selepas mengadakan perjumpaan lebih dua jam mulai 10 malam dengan anggota S46 Kedah, di sini.

Bagaimanapun, beliau berkata S46 tidak akan mengemukakan rayuan terhadap perkara itu dan menyerahkan kepada rakyat Kelantan untuk membuat penilaian sendiri.

Gaji Rozali diturunkan sebanyak RM500 kepada RM4,500, selaras dengan gaji anggota Exco kerajaan negeri yang lain. Pas telah mempertahankan tindakan kerajaan itu dengan menyatakan bahawa keputusan itu dipersetujui semua Exco termasuk daripada S46.

Ketika diminta menjelaskan kenyataannya baru-baru ini bahawa Pas telah menggugurkan keanggotaan S46 daripada Angkatan Perpaduan Ummah, Tengku Razaleigh berkata beliau dimaklumkan mengenainya oleh seorang pemimpin tertinggi Pas.

"Saya tak tahulah...saya dimaklumkan oleh seorang pemimpin tertinggi Pas bahawa jawatankuasa agung parti itu telah membuat keputusan sedemikian," katanya apabila diberitahu seorang wartawan bahawa Presiden Pas Haji Fadzil Noor yang dihubungnya menafikan perkara itu dan menyatakan bahawa perkara itu hanya akan dibincangkan pada mesyuarat majlis syura Pas di Kuala Lumpur Sabtu ini.

Tengku Razaleigh juga mengulangi pendiriannya bahawa beliau tidak mengenakan sebarang syarat untuk menyertai semula Umno.

Katanya, beliau tidak berniat untuk memegang sebarang jawatan dalam Umno atau di luar parti itu seperti yang dinyatakannya kepada Presiden Umno dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Datuk Annuar Musa yang bersedia meletakkan jawatan untuk memberi laluan kepada saya. Tetapi, saya tidak bercadang untuk memegang jawatan dalam parti, lagi pun kedudukan itu ditentukan oleh pucuk pimpinan Umno," katanya.

Annuar dilaporkan berkata semalam bahawa beliau bersedia menyerahkan jawatan Timbalan Ketua Perhubungan Umno Kelantan kepada Tengku Razaleigh sekiranya Presiden S46 itu menyertai semula Umno. -- BERNAMA

MFJ NMO